

KERANG BERACUN

Plankton 'ombak merah'

Tumpat: Orang ramai dilarang melakukan aktiviti memungut, menjual dan memakan kerang-kerangan di kawasan perairan Sungai Geting, di sini, kerana mengandungi plankton bertoksik, *Alexandrium* sp yang mengakibatkan makanan itu beracun.

Felo Penyelidik Kanan Universiti Malaya Institut Sains Samudera dan Bumi Stesen Penyelidikan Marin Bachok, Dr Leaw Chui Pin berkata, plankton itu menyebabkan berlaku ledakan alga atau lebih dikenali 'ombak merah' minggu lalu, hasil kajian yang dijalankan bersama rakannya Prof Madya Dr Lim Po Teen.

Katanya, toksin berkenaan



PENCARI tiram, Rozi Ismail bersama hasil kutipannya.

boleh memberi masalah kepada pernafasan dan boleh menyebabkan kematian.

"Satu kes dicatatkan pada 2001 termasuk satu kematian membabitkan enam pelajar sekolah yang terkena keracunan selepas makan kerang-kerangan dari Sungai Geting.

"Namun, hasil kajian dua

tahun ini tiada ledakan plankton berbahaya ini, tetapi pemantauan kali ini menunjukkan kehadiran sel yang tinggi.

"Surat amaran dikeluarkan supaya penduduk tidak memungut hasil kerang-kerangan di kawasan berkenaan," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Jabatan Perikanan Kelantan, Mohd Rafi Hasan ketika dihubungi berkata, pihaknya sudah mengambil contoh air di kawasan Sungai Geting untuk dibuat kajian di Pusat Penyelidikan Perikanan di Batu Maung Pulau Pinang.

"Hasil kajian itu dijangka siap hujung minggu ini dan

Tiada aktiviti kutip, jual kerang-kerangan

Tumpat: "Saya yakin tiram yang dibeli di kawasan berhampiran bukan dikutip di Sungai Geting," kata penggemar tiram Ramli Khalid.

Ramli, 47 berkata, dia sanggup memandu dari rumahnya di Pasir Mas sejauh kira-kira 30 kilometer semata-mata untuk membeli tiram berhampiran Pantai Sri Tujuh kerana isinya yang manis berbanding di kawasan lain.

"Saya sudah lama mengengetahui kerang dan tiram di Sungai Geting beracun.

Namun, saya difahamkan tiram yang dijual di kawasan itu dikutip di Pantai Sri Tujuh.

"Sejak beberapa tahun kami makan tiram itu, ia tidak memberi kesan kepada kesihatan saya sekeluarga," katanya, di sini, semalam.

Sementara itu, tinjauan Harian Metro di Sungai Geting, di sini, mendapati tiada sebarang aktiviti menjual dan mengutip kerang-kerangan dan tiram di kawasan berkenaan.

semua aktiviti memungut, mengutip dan menjual hasil laut itu kini disekat," katanya.

Mohd Rafi berkata, racun berkenaan berbahaya kepada pengguna kerana memudaratkan kesihatan sehingga boleh menyebabkan kematian.

Bagi mengelakkan orang ramai memungut hasil itu untuk dijual kepada orang ramai, Jabatan Perikanan membuat pemantauan di kawasan itu termasuk menampal notis peringatan di sekitar Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).